



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN KAUNSELING PENDEKATAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD KHIR JOHARI BIN ABAS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



isi

AMALAN KAUNSELING PENDEKATAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

MOHD KHIR JOHARI BIN ABAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09.....(hari bulan).....09..... (bulan) 20 25.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD KHIR JOHARI BIN ABAS, P20152002107, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN KAUNSELING PENDEKATAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. MD NOOR BIN SAPER (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN KAUNSELING PENDEKATAN ISLAM DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

09/09/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. MD NOOR BIN SAPER
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN KAUNSELING PENDEKATAN ISLAM DALAM
KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

No. Matrik / Matric's No.: P20152002107

Saya / I: MOHD KHIR JOHARI BIN ABAS

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*


SULIT/CONFIDENTIAL


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 09/09/2025

PROF. MADYA DR. MD NOOR BIN SAPER
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan inayah-Nya yang telah mengizinkan penyelidikan ini disempurnakan dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat serta seluruh umat Islam yang istiqamah mengikuti ajaran yang dibawa Baginda. Kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak yang telah menyumbang dalam pelbagai bentuk. Saya terlebih dahulu ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang mendalam kepada isteri tercinta, Aida Soraya Yusof, atas pengorbanan, kesabaran dan sokongan moral yang berterusan sepanjang tempoh pengajian ini. Beliau adalah peneman setia dalam setiap cabaran yang ditempuh dan menjadi sumber kekuatan yang konsisten. Ucapan kasih dan penghormatan juga ditujukan kepada bonda tersayang, Hajah Siti Rahaini Maulud, yang tidak pernah putus mendoakan dan menyokong setiap usaha yang digerakkan. Doa kebaikan dan keampunan turut saya panjatkan buat al-Marhum ayahanda Abas Sahat, al-Marhum bapa mertua Yusof Mat Lodin, dan al-Marhumah ibu mertua Rahmah Ali Piah. Semoga roh mereka semua dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan hamba-hamba Allah yang beriman. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Md Noor Saper, serta pembimbing bersama, Prof. Madya Dr. Nurul 'Ain Daud, atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan panduan ilmiah yang berterusan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini. Penghargaan khusus juga ditujukan kepada tokoh-tokoh akademik dalam bidang kaunseling dan psikologi yang telah memberikan sumbangan besar dalam membentuk arah intelektual dan kerangka teori kajian ini. Penghargaan turut dirakamkan kepada Prof. Datuk Dr. Mohd Tajudin Md Ninggal (OUM), Prof. Dr. Ahmad Jazimin Jusoh (UPSI), Prof. Dr. Salasiah Hanin Hamjah (UKM), dan Prof. Datin Dr. Sapura Sipon (UniSHAMS). Tidak dilupakan juga Prof. Madya Dr. Roslee Ahmad (USIM), Prof. Madya Dr. Aslina Ahmad (UPSI), dan Prof. Madya Dr. Muhammad Bazlan Mustafa (UPSI), Dr. Dini Farhana Baharudin (USIM), Dr. Farah Adibah Ibrahim (UTM), Dr. Mohd Nasir Masroom (UTM), Dr. Suzila Ismail (UUM), dan Dr. Suhaya Deraman (UNIMEL), Dr. Nur Hikmah Mubarak Ali dan Dr. Mohd Suhadi Mohamed Sidik (UniSHAMS) atas perbincangan profesional yang banyak memperkaya dimensi praktikal kajian ini dan atas sumbangan mereka yang signifikan dari aspek konseptual dan aplikasi amalan. Dengan segala rendah hati, saya mempersembahkan penyelidikan ini sebagai sumbangan ilmiah ke arah pengukuhan amalan kaunseling Islam yang lebih sistematik, berteraskan nilai *turāth*, berpaksikan *maqāsid* serta relevan dengan konteks pendidikan semasa. Mudah-mudahan ia memberi manfaat kepada para pengamal, penyelidik dan seluruh pihak berkepentingan dalam ekosistem pembangunan insan.





ABSTRAK

Kajian ini meneroka amalan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dengan meneliti pengetahuan, sumber pengetahuan, faktor pendorong, amalan, serta cabaran dalam pelaksanaannya. Pendekatan kualitatif kajian kes pelbagai telah digunakan, melibatkan temu bual separa berstruktur yang mendalam dengan 19 orang GBK yang dipilih melalui persampelan bertujuan berdasarkan kriteria beramal dengan kaunseling pendekatan Islam. Triangulasi data dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan pelbagai sumber, lokasi, dan konteks pengumpulan maklumat. Analisis tematik menggunakan perisian NVivo 12 telah dilakukan meliputi proses mengekod, mengkategorikan, dan mengenal pasti tema. Enam tema utama telah terhasil, iaitu: (1) proses kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia dan bermatlamatkan akhirat; (2) modifikasi terhadap kaunseling Barat; (3) pengetahuan berkaitan kaunseling pendekatan Islam diperolehi melalui pembelajaran secara formal dan tidak formal; (4) nilai kepercayaan kepada agama; (5) kepelbagaian pendekatan perspektif Islam dalam proses kaunseling; dan (6) cabaran dalaman dan luaran dalam pengamalan kaunseling pendekatan Islam. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini dipastikan melalui triangulasi pelbagai sumber data, semakan peserta kajian (*member checking*), penglibatan mendalam dalam konteks kajian, serta amalan penggantungan andaian (*bracketing*) bagi menjamin kredibiliti dan ketelusan interpretasi. Dapatan kajian ini membawa kepada pembentukan model kaunseling pendekatan Islam lima fasa yang kontekstual dan bersepadu berasaskan amalan sebenar di sekolah. Ia menyumbang kepada pengukuhan kerangka teori dan amalan kaunseling Islam serta menyediakan panduan praktikal pelaksanaan yang selari dengan nilai-nilai Islam dan keperluan sistem pendidikan Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) memberi pengiktirafan rasmi, memperkukuh latihan, dan menyokong pelaksanaan kaunseling ini secara sistematik. Penyelidik berikutnya disarankan untuk menilai keberkesanan dan impak jangka panjang model ini melalui pendekatan longitudinal dan kajian pelbagai konteks.





THE PRACTICE OF ISLAMIC-ORIENTED COUNSELLING AMONG SCHOOL GUIDANCE AND COUNSELLING TEACHERS

ABSTRACT

This study explores the practices of Islamic counselling among Guidance and Counselling Teachers (GBK) by examining their knowledge, sources of knowledge, motivating factors, practices, and challenges encountered in its implementation. A qualitative multiple case-study approach was employed, involving in-depth semi-structured interviews with 19 GBKs selected through purposive sampling based on their practice of Islamic counselling approaches. Data triangulation was comprehensively conducted using various sources, locations, and contexts of data collection. Thematic analysis was performed using NVivo 12 software, encompassing processes of coding, categorizing, and identifying themes. Six main themes emerged: (1) counselling processes based on human nature with an afterlife-oriented goal; (2) modifications of Western counselling; (3) knowledge of Islamic counselling approaches acquired through formal and informal learning; (4) the value of religious belief; (5) diverse Islamic perspectives in the counselling process; and (6) internal and external challenges in practicing Islamic counselling. The credibility and trustworthiness of this study were ensured through triangulation of multiple data sources, member checking, prolonged engagement within the research context, and explicit practice of bracketing to enhance credibility and transparency of interpretation. Findings from this study led to the development of a contextual and integrated five-phase Islamic counselling model grounded in actual practices within schools. This model contributes to strengthening theoretical frameworks and practical applications of Islamic counselling, providing practical guidelines aligned with Islamic values and the needs of Malaysia's education system. The study recommends stakeholders such as the Ministry of Education Malaysia (KPM), Ministry of Higher Education (KPT), and Malaysian Board of Counsellors (LKM) to grant formal recognition, strengthen training, and systematically support the implementation of Islamic counselling. Future researchers are recommended to evaluate the effectiveness and long-term impacts of this model through longitudinal approaches and research in diverse contexts.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	16
1.7 Kerangka Teoretikal	17
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	24

1.9	Batasan Kajian	29
1.9.1	Kaunseling Pendekatan Islam	29
1.9.2	Persampelan	30
1.9.3	Lokasi Kajian	32
1.9.4	Reka Bentuk Kajian	33
1.9.5	Fokus Kajian	33
1.10	Definisi Pemboleh Ubah	34
1.10.1	Definisi Kaunseling Pendekatan Islam	34
1.10.2	Guru Bimbingan Dan Kaunseling	41
1.11	Kepentingan Kajian	44
1.12	Rumusan	47

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	48
2.2	Pengetahuan Berkaitan Kaunseling Pendekatan Islam	49
2.3	Sumber Pengetahuan Kaunseling Pendekatan Islam	66
2.4	Pendorong Beramal Dengan Kaunseling Pendekatan Islam	70
2.5	Amalan Kaunseling Pendekatan Islam	81
2.6	Amalan Kaunseling Pendekatan Islam Dalam Konteks Sekolah	102
2.7	Cabaran Beramal Dengan Kaunseling Pendekatan Islam	111
2.8	Jurang Kajian Terdahulu	115
2.9	Rumusan	117

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	119
3.2	Reka Bentuk Kajian	120

3.2.1	Falsafah Kajian	120
3.2.2	Metodologi Kajian	123
3.2.3	Strategi Kajian	124
3.2.4	Tempoh Masa	126
3.2.5	Populasi Dan Sampel Kajian	127
3.2.6	Lokasi Kajian	134
3.3	Proses Dan Tatacara Pengumpulan Data	136
3.3.1	Peringkat Persediaan	136
3.3.1.1	Pemilihan Kaedah Mengumpulkan Data Kajian	137
3.3.1.2	Justifikasi Pemilihan Kaedah Temu Bual Separa Berstruktur	137
3.3.1.3	Protokol Temu Bual	138
3.3.1.4	Kajian Rintis	140
3.3.2	Peringkat Pengumpulan Data	147
3.3.3	Peringkat Setelah Pengumpulan Data	150
3.4	Proses Dan Tatacara Menganalisis Data	151
3.4.1	Mengorganisasi Data	154
3.4.2	Memahami Data	154
3.4.3	Membersih Data (Asing Dan Saring)	155
3.4.4	Menganalisis Data	155
3.5	Strategi Memastikan Keselamatan Data	159
3.5.1	Menyediakan Borang Persetujuan Sebagai Peserta Kajian	159
3.5.2	Strategi Penyimpanan	160
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	161

3.6.1	Kesahan Dalaman	161
3.6.2	Kesahan Luaran	165
3.6.3	Kebolehpercayaan	167
3.7	Rumusan	170

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	173
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	173
4.3	Pengetahuan GBK Berkaitan Kaunseling Pendekatan Islam	176
4.3.1	Proses Kaunseling Berasaskan Sifat-Sifat Manusia Dan Bermatlamatkan Akhirat	177
4.3.1.1	Sudut Pandang Terhadap Manusia	178
4.3.1.2	GBK Adalah Seorang Pendakwah	186
4.3.1.3	Kaunseling Yang Berlandaskan Al-Quran Dan Sunnah Dan Bermatlamatkan Akhirat	198
4.3.2.1	Teori Barat Sebagai Kerangka Proses Kaunseling	210
4.3.2.2	Elemen Islam Adalah Pelengkap Kaunseling Barat	214
4.3.2	Modifikasi Terhadap Kaunseling Barat	207
4.4	Sumber Pengetahuan Kaunseling Pendekatan Islam Dalam Kalangan GBK	217
4.4.1	Pembelajaran Secara Formal	221
4.4.2	Pembelajaran Secara Tidak Formal	222
4.4.2.1	Kursus/Bengkel/Seminar	222
4.4.2.2	Pembacaan Buku-Buku Berkaitan Kaunseling Islam	226
4.4.2.3	Sumbangan Tokoh-Tokoh Dalam Memperkembangkan Kaunseling Islam	228

4.4.2.4	Perbincangan Bersama Rakan-Rakan	235
4.5	Pendorong GBK Beramal Dengan Kaunseling Pendekatan Islam	237
4.5.1	Nilai Kepercayaan Kepada Agama	241
4.5.1.1	Islam Adalah Solusi Kepada Setiap Masalah	242
4.5.1.2	Pengaruh Islam Terhadap Kehidupan	245
4.5.1.3	Keperluan Agama Dalam Proses Mendidik	
4.6	Amalan Kaunseling Pendekatan Islam Dalam Kalangan GBK	254
4.6.1	Kepelbagaian Pendekatan Perspektif Islam Dalam Proses Kaunseling	255
4.6.1.1	Kepelbagaian Pendekatan Perspektif Islam Dalam Memulakan Sesi	256
4.6.1.2	Kepelbagaian Pendekatan Islam Dalam Proses Rawatan/Intervensi	269
4.6.1.3	Punca Masalah Menurut Perspektif Islam	289
4.6.1.4	Penilaian Berfokuskan Kepada Peningkatan Ibadah Dan Cara Hidup	301
4.6.1.5	Aplikasi Kemahiran Asas Kaunseling Dan Teknik Psikoterapi Barat Dalam Kaunseling Islam	309
4.7	Cabaran Beramal Dengan Kaunseling Pendekatan Islam Dalam Kalangan GBK	331
4.7.1	Cabaran Daripada Aspek GBK	335
4.7.1.1	Pengetahuan	336
4.7.1.2	Penghayatan Islam	338
4.7.1.3	Kecenderungan Meletakkan Nilai	339
4.7.2	Cabaran Terhadap Amalan GBK	341
4.7.2.1	Penerimaan Klien	341

4.7.2.2	Penerimaan Pelajar Bukan Islam	344
4.7.2.3	Penerimaan Umum	345
4.7.2.4	Pengiktirafan	347
4.7.2.5	Ketiadaan Sistem Sokongan Bagi Klien	351
4.7.2.6	Masa	352
4.8	Rumusan	354

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	358
5.2	Pengetahuan Berkaitan Kaunseling Pendekatan Islam	358
5.3	Sumber Pengetahuan Berkaitan Kaunseling Pendekatan Islam	361
5.4	Faktor Pendorong	364
5.5	Amalan Kaunseling Pendekatan Islam	366
5.5.1	Peringkat Permulaan	367
5.5.2	Peringkat Mengenal Pasti Punca Masalah	372
5.5.3	Penggunaan Kemahiran Asas Kaunseling Dan Teknik Psikoterapi Barat	374
5.5.4	Peringkat Intervensi/Rawatan	378
5.5.5	Peringkat Penilaian	382
5.6	Cabaran	385
5.7	Implikasi	389
5.7.1	Implikasi Terhadap Model/Teori Kaunseling Pendekatan Islam	389
5.7.2	Implikasi Terhadap Amalan Kaunseling Pendekatan Islam Di Sekolah	392
5.7.3	Implikasi Terhadap Pemegang Taruh	393

5.7.4	Implikasi Terhadap Metodologi	394
5.8	Syor dan Cadangan	395
5.9	Rumusan	399
	RUJUKAN	400
	LAMPIRAN	410

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah GBK di Malaysia sehingga 1 Januari 2018	129
3.2	Pakar Pengesah Protokol Temu Bual	139
3.3	Tema Kajian Rintis	141
3.4	Transkrip Data Temu Bual	157
3.5	Nilai dan Interpretasi Kappa	168
3.6	Purata Nilai Cohen Kappa	169
4.1	Bidang Kelayakan Peserta Kajian	175
4.2	Proses Kaunseling Berasaskan Sifat-Sifat Manusia Dan Bermatlamatkan Akhirat	206
4.3	Modifikasi terhadap kaunseling Barat	217
4.4	Pengetahuan Berkaitan Kaunseling Islam Diperoleh Melalui Pembelajaran Secara Formal dan Tidak Formal	241
4.5	Nilai Kepercayaan Kepada Agama	253
4.6	Kepelbagaian Pendekatan Perspektif Islam dalam Proses Kaunseling	331
4.7	Cabaran Dalaman Dan Cabaran Luaran	353



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Kaunseling Al-Ghazālī Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs	19
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	25
4.1	Tema Kajian Pertama	178
4.2	Tema Kajian Kedua	210
4.3	Tema Kajian Ketiga	221
4.4	Tema Kajian Keempat	241
4.5	Tema Kajian Kelima	255
4.6	Tema Kajian Keenam	332
5.1	Cadangan Kerangka Kaunseling Pendekatan Islam di Sekolah	391





SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Protokol Temu Bual
- B Contoh Transkrip Temu Bual bagi Peserta Kajian
- C Lantikan Panel Pakar bagi Pengesahan Tema Kajian
- D Contoh Pengesahan Tema Kajian Oleh Pakar





SENARAI SINGKATAN

GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
PAKSI	Persatuan Kaunseling Syarie Malaysia
PERKAMA	Persatuan Kaunselor Malaysia
PK	Peserta Kajian
PKR	Peserta Kajian Rintis
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNIMEL	Universiti Islam Melaka
UniSHAM	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia





BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan



Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teoretikal, kerangka konseptual, batasan kajian, definisi pemboleh ubah dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kaunseling merupakan satu perkhidmatan penting dalam persekitaran sekolah untuk membantu pelajar menghadapi pelbagai cabaran dan mencapai potensi mereka sepenuhnya (Natesan, 2017). Di Malaysia, dengan populasi pelajar Muslim yang





signifikan, wujud keperluan untuk perkhidmatan kaunseling yang peka terhadap budaya dan agama, terutamanya kaunseling Islam (Noraniza et al., 2020).

Secara umumnya, kaunseling pendekatan Islam telah bermula di Malaysia seawal tahun 1980-an (Norazlina & Amir, 2022). Pada peringkat permulaan, banyak kajian tertumpu kepada idea-idea asas pembentukan teori seperti kajian Malik Badri (1978, 1980, 1995), Hassan Langgulung (1983), dan Abdul Halim (1984). Pada dekad-dekad terakhir ini, telah banyak kajian-kajian membuktikan impak positif kaunseling pendekatan Islam terhadap kaunselor dan klien seperti yang dilakukan oleh Norazlina dan Noor Shakirah (2017), Md Noor (2012), Roslan et al. (2011), dan Salasiah (2010).

Terdapat pelbagai model dan teori kaunseling pendekatan Islam yang telah diketengahkan oleh beberapa orang tokoh dan pengkaji kaunseling pendekatan Islam di Malaysia (Norazlina & Amir, 2022), seperti model Kognitif ad-Deen oleh Othman (2017), model Kaunseling Bina Jiwa oleh Kamaruzzaman (2006), dan model kaunseling Al-Ghazālī yang diketengahkan oleh Yatimah dan Mohd Tajudin (2010), Salasiah (2008), dan Md Noor(2012). Secara umumnya, teori dan model ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu model modifikasi, model integrasi dan model tradisional (Norazlina & Noor Shakirah, 2016).

Walaupun terdapat kemajuan positif dalam bidang kaunseling pendekatan Islam, namun amalan kaunseling yang dilakukan oleh kaunselor Muslim masih belum sepenuhnya mapan dalam perkhidmatan mereka (Md Noor, 2018). Kajian menyeluruh tentang amalan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan kaunselor di sekolah





juga masih terhad (Roslee et al., 2008; Halimah & Zainab, 2015) khususnya dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

Oleh hal yang demikian, memahami amalan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK di sekolah menjadi suatu keperluan signifikan untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan selari dengan aspirasi untuk menerapkan nilai-nilai Islam serta memenuhi keperluan pelajar Muslim. Dapatan kajian ini berpotensi untuk menyumbang kepada penambahbaikan amalan kaunseling pendekatan Islam di sekolah, sekali gus meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling dalam membantu perkembangan holistik pelajar Muslim.

Oleh itu, penting untuk menonjolkan dan melaksanakan kajian mengenai model, pendekatan, dan impak kaunseling pendekatan Islam dengan lebih giat lagi (Md Noor, 2018), terutamanya dalam konteks sekolah (Mohd Azhar et al., 2021; Noraniza et al., 2019; Noraimi Aainaa, 2018). Apatah lagi dalam keadaan semasa, kaunseling pendekatan Islam memerlukan satu model amalan yang komprehensif bagi menangani kepelbagaian isu yang dibawa oleh klien (Afaf et al., 2021).

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian menunjukkan wujud cabaran yang kritikal dalam amalan kaunseling Barat, khususnya apabila melibatkan klien Muslim (Tanhan & Young, 2022; Cucchi, 2022; Badri, 2020). Pendekatan kaunseling Barat yang bersifat sekular (Lines, 2012) dan individualistik (Mufid, 2020), dilihat kurang mampu memenuhi keperluan psiko





spiritual klien Muslim (Perron et al., 2023; Norazlina & Amir, 2022; Cucchi, 2022; Badri, 2020). Ketiadaan unsur spiritual dalam proses kaunseling menyebabkan kekosongan batin yang mendalam (Tanhan & Young, 2022), dan menimbulkan jurang besar dalam pemulihan mental klien (Hunt, 2022; Badri, 2020). Kekosongan ini bukan hanya berpunca daripada ketiadaan unsur spiritual semata-mata, bahkan ditambah oleh kegagalan pendekatan Barat untuk memahami nilai-nilai komuniti yang menjadi asas kesejahteraan kolektif umat Islam

Pendekatan yang kurang peka terhadap nilai komuniti dilihat menyukarkan intervensi sosial untuk berfungsi secara efektif (Saherwala et al., 2021; Hammad et al., 2020; Mir et al., 2019; Badri, 2020). Tanpa integrasi dimensi spiritual dan komuniti, rawatan psikologi menjadi pincang, sekali gus merosakkan semangat kolektif masyarakat Muslim (Mufid, 2020). Ketidaksesuaian ini menyebabkan komuniti Muslim kurang berminat mendapatkan bantuan psikologi, seterusnya meningkatkan risiko kecelaruan jiwa, kemurungan, serta kehilangan makna hidup, khususnya dalam kalangan komuniti Muslim di Barat (Hammad et al., 2020; Mir et al., 2019; Tanhan & Young, 2022; Haque et al., 2016).

Selain daripada itu terdapat juga kajian-kajian terkini yang menyatakan bahawa teori dan amalan kaunseling Barat yang berasaskan perspektif eurosentrik dibuktikan gagal mengambil kira konteks budaya, amalan komuniti dan pegangan tempatan klien bukan Barat (Su-Kubricht et al., 2024; Prajapati & Liebling, 2022; Hammad et al., 2020; Adams et al., 2015). Keadaan ini menjadikan pendekatan tersebut tidak serasi dengan nilai masyarakat bukan Barat (Prajapati & Liebling, 2022; Hammad et al., 2020). Pendekatan seperti Terapi Tingkah Laku Kognitif (CBT)





sebagai contohnya, menitikberatkan nilai individualistik dan ekspresi emosi secara terbuka, berpotensi menimbulkan rasa janggal dan tidak selesa khususnya bagi klien dari budaya kolektivis seperti masyarakat Asia (Cucchi, 2022). Bahkan sifat patologikal apabila menilai tingkah laku yang normal dalam budaya Asia sebagai bermasalah menambah jurang kefahaman antara kaunselor dengan klien (Webb et al, 2015). Situasi ini menjadi lebih serius apabila kajian turut mendapati alat penilaian psikologi seperti DSM-5 turut mengandungi bias budaya kerana kurang mengambil kira perbezaan konteks budaya klien (Sue et al., 2019). Kritikan terhadap ketidakserasian ini turut berkembang menjadi perdebatan yang lebih mendalam tentang hegemoni epistemologi Barat dalam ilmu kaunseling, khususnya apabila teori dan amalan sedia ada dilihat meminggirkan sumber pengetahuan alternatif yang berakar dalam budaya dan agama setempat.



Menurut Adams et al. (2015), kaunseling Barat dianggap sebagai alat kolonialisasi pengetahuan kerana ia memaksakan struktur epistemologi Barat yang dominan sebagai satu-satunya sistem pengetahuan yang sah, sekali gus menyetepikan bentuk pengetahuan lain yang tidak selari dengan paradigma Barat. Kolonialisasi pengetahuan ini berlaku apabila kaunseling Barat menetapkan teori-teori dan metodologinya sebagai piawai universal yang mesti diikuti, menyebabkan sistem pengetahuan bukan Barat dilihat sebagai tidak lengkap, primitif, atau tidak saintifik (Adams et al., 2015). Keadaan ini mengukuhkan dominasi pengetahuan yang mengawal pengeluaran, penyebaran, serta pengesahan ilmu, lantas mengurangkan ruang bagi epistemologi alternatif atau tempatan untuk diiktiraf dan berkembang dalam wacana akademik global.





Dalam konteks pendidikan Malaysia, GBK juga tidak terkecuali daripada cabaran ini. Walaupun GBK berfungsi dalam masyarakat Muslim yang majoriti, mereka tetap dibekalkan dengan latihan dan modul berteraskan pendekatan Barat. Hal ini menimbulkan persoalan tentang kesesuaian pendekatan semasa dengan realiti nilai, budaya, dan spiritualiti pelajar Muslim di sekolah. Ketidaktepatan pendekatan boleh menjejaskan keberkesanan intervensi kaunseling dan menyulitkan pembentukan hubungan terapeutik yang sah.

Amalan kaunseling Barat turut dikritik berberapa orang tokoh psikologi Islam. Antara tokoh yang lantang mengemukakan pandangan tentang kelemahan dalam kaunseling Barat ialah Malik Badri (1979). Beliau memperkenalkan konsep indigenisasi (penyesuaian berasaskan agama dan budaya) dan Islamisasi psikologi dengan menekankan pentingnya integrasi aspek spiritual berasaskan al-Quran dan sunnah dalam memahami tingkah laku manusia (Badri, 1979, 1997, 2000, 2010). Secara eksplisit, Badri menolak pendekatan sekular Barat seperti behaviorisme, psikoanalisis Freudian, serta neuropsikiatri yang bersifat mekanikal dan mengabaikan dimensi rohani manusia kerana ia boleh menjadi toksik bagi umat Islam (Badri, 1979, 2000, 2010). Beliau juga menolak pandangan materialisme Barat yang mereduksi jiwa (*nafs*) sebagai sekadar fungsi otak, kerana dalam Islam, jiwa memiliki dimensi spiritual yang melampaui aspek fizikal (Badri, 1997). Materialisme Barat cenderung menafikan kewujudan entiti nonmaterial seperti Tuhan dan akhirat. Mereka cenderung menganggap jiwa sebagai hasil proses material semata-mata. Sebaliknya, Islam menekankan bahawa jiwa adalah substansi yang berdiri sendiri, tidak hanya sebagai akibat daripada proses material. Kenyataan ini berulang kali disebut oleh al-Ghazālī di dalam karyanya (Al-Ghazālī, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Konsep *tazkiyah*





al-nafs menekankan proses penyucian jiwa untuk mengembalikannya kepada fitrah melalui terapi-terapi sufistik. Dengan demikian, penolakan terhadap pandangan materialisme Barat tersebut menegaskan bahawa dalam Islam, jiwa dipahami sebagai entiti yang memiliki dimensi spiritual dan tidak dapat direduksi hanya sebagai fungsi otak semata (Al-Ghazālī, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988).

Dalam buku *The AIDS Crisis: An Islamic Socio-Cultural Perspective* (1997), Badri mengkritik teori-teori Barat mengenai AIDS yang dianggap prejudis serta mengecam revolusi seksual yang tidak terkawal sebagai punca utama penyebaran AIDS (Badri, 1997). Beliau menegaskan bahawa pendekatan sekular dalam menangani krisis AIDS adalah tidak mendatangkan impak dan menekankan pentingnya perspektif Islam dalam memahami dan mencegah penyebaran penyakit ini. Badri (1997), turut mengkritik perubahan terminologi dalam revolusi seksual Barat, seperti penggunaan istilah “hubungan luar nikah” bagi zina dan “gay” bagi homoseksual, yang dianggapnya sebagai usaha untuk menghalalkan perilaku seksual yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam (Badri, 1997).

Badri turut mengingatkan ahli psikologi Muslim agar tidak menerima secara membuta tuli teori psikologi Barat, sebaliknya perlu membangunkan paradigma psikologi berasaskan pandangan hidup Islam yang lebih holistik (Badri, 1978, 1979). Beliau menegaskan bahawa tokoh Barat seperti Jung dan Frankl sendiri telah menyedari kelemahan Freud dengan memasukkan unsur spiritual dalam terapi mereka, sekaligus membuktikan perlunya psikologi yang berteraskan nilai agama dan spiritual (Badri, 1979). Selain itu, beliau menasihatkan agar berhati-hati dengan teknik *mindfulness* yang berasal dari Buddhisme, untuk mengelakkan keadaan di





mana minda mengawal minda sehingga menyebabkan pemisahan dari *qalb* (hati) dan kehidupan luar. Sebaliknya, terdapat amalan *tafakkur* dalam Islam yang sepenuhnya sesuai dan membuka hati (Badri, 2000).

Justeru berdasarkan kajian-kajian lepas pengkaji melihat wujud jurang kajian yang nyata untuk mengkaji amalan kaunseling pendekatan Islam secara mendalam kerana amalan kaunseling Barat didapati banyak kelompongan dalam menangani keperluan psikospiritual klien Muslim akibat berpegang kepada prinsip sekularisme (Lines, 2012), individualisme (Mufid, 2020), serta ketidakpekaan terhadap latar budaya tempatan (Su-Kubricht et al., 2024; Prajapati & Liebling, 2022). Tokoh seperti Malik Badri telah lama memperingatkan bahawa teori Barat yang menafikan hakikat spiritual jiwa boleh memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi masyarakat Islam (Badri, 1979). Beliau turut menegaskan bahawa pendekatan Freud dan aliran behaviorisme secara umumnya bertentangan dengan keperluan jiwa umat Islam kerana terlalu mekanistik walaupun terdapat beberapa pemerhatian klinikal Freud yang boleh diterima (Badri, 1979, 2000). Oleh itu, pengamal psikologi Muslim termasuk GBK diseru agar membina kerangka terapi sendiri berpandukan kepada asas agama bagi menjamin pendekatan rawatan yang lebih serasi dengan pegangan Islam (Badri, 1978, 1979). Dengan demikian, penekanan terhadap aspek rohani serta komuniti dalam kaunseling pendekatan Islam mampu mengisi kelemahan-kelemahan asas kaunseling Barat, sekali gus memberi manfaat yang lebih luas kepada kesejahteraan mental umat Islam (Cucchi, 2022; Norazlina & Amir, 2022).

Kaunseling pendekatan Islam penting untuk dikaji kerana menyediakan pendekatan terapeutik yang menyeluruh berteraskan konsep penyucian jiwa (*tazkiyah*





al-nafs), yang bertujuan membentuk kesejahteraan rohani dan emosi individu secara holistik (Salasiah et al., 2020). Pendekatan kaunseling ini membimbing klien melalui proses mendalam mengenal hakikat diri (*ma'rifah al-nafs*), menghapus sifat negatif dalam jiwa (*takhalli*), membina akhlak terpuji (*tahalli*), serta melaksanakan penilaian sendiri secara konsisten (*muhasabah*), sehingga akhirnya mencapai kebahagiaan hakiki (*al-sa'adah*) di dunia dan akhirat (Al-Ghazālī, 1998). Kaedah ini penting kerana memenuhi keperluan spiritual klien Muslim yang sering terabai dalam kaunseling konvensional, khususnya melalui pemupukan sifat mahmudah seperti sabar, syukur, ikhlas, tawakal, serta kesedaran tentang kematian yang membawa kepada transformasi diri secara kekal (Al-Ghazālī, 2010). Pendekatan ini juga membantu individu memahami tujuan penciptaannya dengan jelas, mengawal dorongan negatif dalam diri, serta merangsang potensi rohani dan intelek ke arah hubungan erat dengan Allah (Zuraimy et al., 2023; Rohaizan et al., 2014). Oleh itu, kaunseling pendekatan Islam bukan sahaja memperkukuhkan keseimbangan dalaman Muslim tetapi turut menjanjikan kebahagiaan rohani yang bersifat abadi dan melangkaui manfaat duniawi semata-mata (Al-Ghazālī, 1998, 2010). Dalam konteks kajian ini, pendekatan tersebut signifikan untuk diteliti dalam kalangan GBK, kerana mereka berperanan besar dalam membimbing pelajar Muslim menangani cabaran emosi dan spiritual melalui kaedah yang selari dengan nilai Islam dan kerangka *tazkiyah al-nafs*.

Dalam konteks sekolah menengah kebangsaan di Malaysia, GBK berperanan penting dalam pembangunan sahsiah dan kesejahteraan pelajar. Sebagai negara majoriti Islam, sistem pendidikan Malaysia menekankan keseimbangan aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani pelajar, selari dengan tuntutan agama. Sehubungan itu,





amalan kaunseling berpendekatan Islam dilihat sebagai pelengkap penting kepada model kaunseling konvensional bagi membantu pelajar, khususnya yang beragama Islam, menangani isu-isu tingkah laku dan psikososial dengan pendekatan yang selaras dengan nilai keagamaan mereka. Pendekatan ini merujuk kepada integrasi prinsip spiritual Islam ke dalam proses kaunseling. Para sarjana terdahulu telah lama berhujah tentang keperluan pendekatan sedemikian. Badri umpamanya menegaskan bahawa pengamal Muslim tidak seharusnya “meniru bulat-bulat penyelesaian Barat” kerana Islam menyediakan kaedah yang lebih baik dan berkesan berteraskan al-Quran dan hadith untuk menangani permasalahan insan (Badri, 1978, 1979). Malah, tradisi keilmuan Islam sendiri kaya dengan perbincangan tentang jiwa dan tingkah laku manusia. Imam Al-Ghazālī sebagai contoh, melalui karya-karyanya tentang *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), telah menggariskan model pembangunan diri berasaskan wahyu yang boleh dijadikan rujukan dalam kaunseling.



Ada beberapa kajian terdahulu membuktikan penerapan elemen Islam dalam kaunseling mendatangkan impak positif kepada kaunselor dan pelajar. Seperti kajian Ruslan et al. (2020), Mariani dan Norhanizah Wati, (2020), Mohd Zaharen et al. (2019), Noraniza et al. (2019), Md Noor et al. (2016), dan Halimah dan Zainab (2015). Namun, secara umumnya didapati bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan di Malaysia berhubung perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah hanya terfokus kepada dimensi input yang berfokus kepada teori sahaja, namun masih kurang kajian dalam konteks proses (Natesan, 2017).

Ia memberi gambaran seolah-olah ramai yang sedang mendapat manfaat daripada suatu proses yang sedang berjalan, namun gambaran sebenar keseluruhan





proses tersebut masih samar-samar. Apatah lagi kewujudan kaunseling pendekatan Islam menjadi polemik yang masih belum selesai. Sedangkan ramai yang telah mengakui mendapat banyak manfaat daripada kewujudannya. Apa yang dikemukakan oleh pengkaji ini disokong dengan kenyataan bahawa sehingga kajian ini diselesaikan, belum ada pengiktirafan yang jelas terhadap istilah “Kaunseling Islam” serta amalan kaunseling pendekatan Islam itu sendiri. Ia turut dinyatakan oleh Norazlina dan Amir (2022), dalam kajian mereka.

Walau bagaimanapun, realiti semasa dalam perkhidmatan kaunseling sekolah menunjukkan jurang antara idealisme pendekatan Islam dengan pelaksanaannya. Kajian-kajian lepas mencadangkan bahawa amalan kaunseling pendekatan Islam di Malaysia masih belum mantap dari segi kerangka teori dan modul intervensi. Sebagai contoh, Norazlina dan Amir (2022) mendapati bahawa amalan kaunseling pendekatan Islam semasa kurang berpandukan model tersendiri yang jelas, sebaliknya ramai kaunselor menggabungkan teori kaunseling Barat dengan elemen kerohanian secara ad hoc dalam sesi kaunseling. Integrasi spontan seperti membaca ayat al-Quran, memberi nasihat agama atau memimpin doa sering dilakukan mengikut keperluan kes, namun pendekatan ini mungkin tidak konsisten dan bergantung kepada pengetahuan serta kemahiran individu kaunselor (Mohd Sani, 2019).

Pengetahuan adalah asas kepada keberhasilan kaunseling pendekatan Islam yang dijalankan (Hamizi & Suhaya, 2023), namun tidak dapat dinafikan bahawa wujud kekurangan sumber pengetahuan terhadap kaunseling pendekatan Islam. Ini dinyatakan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu seperti Norazlina dan Amir (2022), Mohd Azhar et al. (2021), dan Mazidah et al. (2015). Kekangan pengetahuan





yang wujud ini menimbulkan persoalan, sekiranya latihan yang diberikan kepada mereka tidak mencukupi bagaimana realiti amalan yang mereka jalankan? Timbul juga persoalan jika latihan yang diterima di peringkat formal adalah terbatas, adakah para kaunselor memperoleh latihan alternatif bagi menambah kompetensi mereka dalam beramal dengan kaunseling pendekatan Islam? Dalam semua keadaan tersebut, kaunselor terdedah untuk mengaplikasikan kaunseling pendekatan Islam tanpa panduan yang jelas serta berpotensi membawa kepada pelanggaran etika. Justeru pengkaji terdorong menjalankan kajian ini bagi melihat “apa” dan “bagaimana” pengetahuan berkaitan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK yang mendakwa beramal dengan kaunseling pendekatan Islam khusus dalam konteks sekolah.



Bagi membuktikan amalan kaunseling pendekatan Islam benar-benar wujud dan sedang berjalan di sekolah, pengkaji telah mengedarkan soal selidik ringkas kepada 1000 orang kaunselor di sekolah yang dipilih secara rawak dari pangkalan data sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia. Pengkaji telah menghantar soal selidik kepada mereka melalui pelbagai medium seperti e-mel, WhatsApp, Facebook dan telegram. Daripada jumlah itu seramai 477 orang memberikan balasan dan didapati seramai 293 orang peserta kajian mengakui beramal dengan kaunseling pendekatan Islam dan seramai 250 menyatakan mengamalkannya secara konsisten. Dapatan kaji selidik awal ini menolak andaian bahawa amalan kaunseling pendekatan Islam tidak berlaku dalam kalangan kaunselor di sekolah. Dapatan awal kajian ini, turut disokong kajian Halimah dan Zainab (2015), Mohamad Hanif (2008), Yatimah (2005), Mohamed Sharif (2005), dan Siti Hairaney (2004). Mereka menyatakan bahawa amalan Kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan kaunselor telah lama wujud





walau pun bukan dalam bentuk suatu teori yang terkhusus. Pengkaji melihat wujud keperluan untuk melihat apakah pendorong yang mendorong para kaunselor beramal dengan kaunseling pendekatan Islam dalam keadaan wujudnya kekangan dan cabaran yang terpaksa dihadapi.

Di peringkat sekolah, proses kaunseling perlu diteliti bagi memastikan amalannya dapat mencapai tujuan penawaran perkhidmatan kaunseling sekolah (Nelson et al., 2021). Dalam konteks Malaysia kaunseling yang dijalankan memfokuskan:

- i. Kerjaya.
- ii. Bimbingan akademik
- iii. Masalah disiplin.
- iv. Pembinaan sahsiah.
- v. Psiko sosial dan kesihatan mental.
- vi. Masalah kekeluargaan.

Ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Isa et al. (2017), Natesan (2017), Abdul Malek et al. (2013) dan See dan Ng (2010). Justeru amalan kaunseling pendekatan Islam yang diamalkan di sekolah perlu dilihat menjurus ke arah fokus tersebut.

Selain itu, kaunselor sekolah mesti diterima sebagai rakan penting dalam cabaran untuk meningkatkan peluang pendidikan pelajar dalam kerjaya masa depan mereka (Abdul Malek et al., 2013). Bagi memenuhi aspirasi tersebut, kaunselor yang





mengendalikan sesi bimbingan dan kaunseling di sekolah dihambat dengan pelbagai cabaran (Natesan, 2017). Ia turut meliputi pengendalian kaunseling Islam. Bahkan ada cabaran-cabaran ini turut meliputi pengamalan kaunseling Islam dalam bentuk khusus.

Antaranya cabaran utama yang perlu dihadapi oleh seorang kaunselor Muslim dalam beramal dengan kaunseling Islam adalah keterbatasan latihan yang disediakan (Melati & Dini Farhana, 2016), kurang pengetahuan agama (Mohd Azhar et al., 2021), persepsi masyarakat mengenai kaunseling perspektif Islam, cabaran pengisian dan aplikasi kaunseling perspektif Islam, cabaran dari segi pengamal kaunseling dan cabaran dari klien sendiri (Noraimi Aainaa, 2018).



Cabaran-cabaran ini perlu dikaji bagi menghasilkan penambahbaikan dalam aspek latihan dan pembangunan profesional GBK. Ini penting untuk memastikan kaunselor memiliki persediaan yang relevan dalam mengaplikasikan sesuatu teori, yang tidak hanya terfokus kepada penguasaan aspek teori sahaja. Justeru, realiti cabaran sebenar yang sedang dihadapi oleh GBK, perlu untuk diteliti. Dapatan ini bermanfaat bagi pemegang taruh dan pihak berkepentingan untuk memperkasa amalan kaunseling Islam di peringkat sekolah-sekolah di Malaysia.

Isu jurang dalam kajian ini diperkuat oleh dapatan di peringkat global tentang kaunseling kepada klien Muslim. Tanhan dan Young (2022), mendapati bahawa meskipun Islam sangat menitikberatkan kestabilan kesihatan mental, masyarakat Muslim cenderung kurang menggunakan perkhidmatan kaunseling arus perdana. Antara sebab yang dikenal pasti ialah kekhuatiran bahawa kaunselor atau pendekatan





konvensional tidak memahami keperluan agama dan budaya mereka, lantas menimbulkan ketidakpercayaan. Ini mengisyaratkan bahawa sensitiviti terhadap nilai agama klien adalah prasyarat penting bagi keberkesanan kaunseling. Justeru, bagi negara seperti Malaysia yang menjadikan Islam sebagai tonggak kerohanian, mengabaikan dimensi ini boleh mengurangkan keberkesanan khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah. Walaupun ada usaha integrasi di peringkat dasar pelaksanaannya masih bergantung pada inisiatif individu GBK. Tambahan pula, intervensi berstruktur berlandaskan pendekatan Islam jarang dinilai secara empirikal. Kelemahan metodologi kajian lepas juga meninggalkan persoalan tentang bagaimana amalan kaunseling pendekatan Islam boleh diperkasakan secara menyeluruh.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini perlu dilakukan bagi meneroka realiti sebenar pengaplikasian kaunseling pendekatan Islam di sekolah. Realiti bentuk amalan dan pendekatan kaunseling pendekatan Islam yang sedang berjalan perlu dinyatakan dalam bentuk yang jelas, sama ada dari sudut teori, model, modul, teknik atau pun strategi. Hasil dapatan kajian ini juga penting untuk menambah baik latihan kaunselor dengan berasaskan kompetensi.





1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memahami secara menyeluruh dimensi pelaksanaan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah. Sehubungan itu, objektif kajian ini digariskan seperti berikut:

- i. Meneroka pengetahuan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK.
- ii. Mengenal pasti sumber pengetahuan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK.
- iii. Meneroka faktor pendorong GBK beramal dengan kaunseling pendekatan Islam.
- iv. Meneroka amalan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK.
- v. Meneroka cabaran yang dihadapi kaunselor dalam mengamalkan kaunseling pendekatan Islam.



1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami secara mendalam pelaksanaan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK, khususnya dari aspek pengetahuan, sumber, pengetahuan, pendorong serta cabaran yang dihadapi dalam konteks amalan sebenar di sekolah. Sehubungan itu, beberapa persoalan telah digariskan bagi memandu arah kajian ini secara terfokus dan sistematik.

- i. Apakah pengetahuan GBK berkaitan kaunseling pendekatan Islam?
- ii. Bagaimanakah GBK memperoleh pengetahuan berkaitan kaunseling pendekatan Islam?



- iii. Apakah pendorong GBK memilih beramal dengan kaunseling pendekatan Islam?
- iv. Bagaimanakah amalan kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan GBK?
- v. Apakah cabaran yang dihadapi kaunselor di sekolah dalam mengamalkan kaunseling pendekatan Islam?

1.7 Kerangka Teoretikal

Kerangka teoretikal kajian ini dibangunkan berasaskan Model Kaunseling Al-Ghazālī. Pemilihan model ini sebagai asas kajian adalah berdasarkan lima justifikasi utama yang memperkukuh keberkesannya sebagai pendekatan yang lebih sesuai dan relevan. Pertama, Model Kaunseling Al-Ghazālī mengisi kekurangan dalam pendekatan kaunseling konvensional, yang cenderung hanya menangani aspek luaran tanpa menyentuh akar permasalahan jiwa individu. Model ini berperanan sebagai salah satu alternatif pendekatan kaunseling Islam yang mengintegrasikan dimensi rohani dan psikologi secara holistik (Norazlina & Noor Shakirah, 2019).

Kedua, model ini mempunyai implikasi praktikal yang besar dalam amalan kaunseling di sekolah, kerana ia bukan sekadar menumpukan kepada simptom luaran tetapi turut menangani punca utama gangguan emosi dan psikologi dalam kalangan pelajar. Dengan memberi fokus kepada penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*), model ini menawarkan penyelesaian yang lebih mendalam dan berkesan terhadap isu-isu mental dalam persekitaran pendidikan Islam (Mariani & Norhanizah Wati, 2020).



Ketiga, model ini menekankan konsep *ma'rifatullah*, iaitu kesedaran dan pemahaman mendalam mengenai Allah, yang menjadi teras dalam pembangunan diri dan kesejahteraan psikologi individu. Dengan membimbing pelajar untuk membina hubungan spiritual yang kukuh dengan Allah, Model Kaunseling Al-Ghazālī membantu mereka mencapai keseimbangan antara keperluan duniawi dan ukhrawi, sekali gus menangani konflik dalaman dengan lebih berkesan (Al-Ghazālī, 2010).

Keempat, model ini lebih komprehensif berbanding pendekatan kaunseling sekular, yang lazimnya bersifat reduksionis serta hanya tertumpu kepada potensi diri atau simptom luaran semata-mata (Mardiana, 2023). Model Al-Ghazālī meletakkan hubungan spiritual dengan Allah sebagai asas ketahanan psikologi, membolehkan individu membina kekuatan dalaman melalui amalan-amalan spiritual seperti zikir. Teknik ini bukan sahaja berfungsi untuk menenangkan emosi tetapi juga mengukuhkan daya tahan psikologi dalam menghadapi cabaran kehidupan (Salasiah, 2018; Ahmad A'toa' & Mardiana, 2021).


Kelima, pemilihan model ini disokong oleh kajian empirikal terdahulu, yang membuktikan kebolehaplikasiannya serta keberkesanannya dalam amalan kaunseling Islam. Kajian menunjukkan bahawa Model Kaunseling Al-Ghazālī merupakan paradigma baharu yang relevan dalam konteks Malaysia, yang sebelum ini banyak bergantung kepada pendekatan Barat sejak lebih enam dekad (Nor Ezdanie & Mohd Tajudin, 2019). Selain itu, Afaf et al. (2021), menegaskan bahawa model ini telah dibangunkan secara saintifik dan komprehensif, dengan menawarkan teknik terapeutik yang efektif dalam menangani cabaran psikologi masa kini.



Berdasarkan kelima-lima justifikasi ini, Model Kaunseling Al-Ghazālī dilihat sebagai pendekatan yang lebih tepat dan relevan dalam kajian ini kerana ia bukan sahaja menangani permasalahan psikologi secara luaran, tetapi turut memperkukuhkan hubungan spiritual pelajar dengan Allah sebagai asas kepada kesejahteraan psikologi dan ketahanan emosi. Berdasarkan kelima-lima justifikasi ini, Model Kaunseling Al-Ghazālī dipilih sebagai kerangka teoretikal kajian kerana keupayaannya menangani isu psikologi-spiritual secara integratif. Kerangka konseptual model tersebut divisualkan secara holistik dalam rajah 1.1 di bawah, merangkum seluruh pendekatan yang dihuraikan.

Rajah 1.1

Model Kaunseling Al-Ghazālī Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs (Md Noor, 2012)





Kerangka model ini dibina atas lima elemen teras yang merangkumi mengenal diri (*ma'rifah al-nafs*), pembersihan hati daripada sifat tercela (*takhalli*), pengisian hati dengan sifat terpuji (*tahalli*), penilaian (muhasabah), serta pencapaian kebahagiaan di dunia dan akhirat (*al-sa'adah*) (Al-Ghazālī, 1998). Pendekatan ini disusun secara berperingkat sebagai suatu mekanisme terapeutik yang bertujuan memandu individu ke arah keseimbangan jiwa serta kesejahteraan emosi dan spiritual (Al-Ghazālī, 1998).

Proses pembersihan jiwa dalam pendekatan Al-Ghazālī dimulakan dengan usaha memahami diri secara mendalam (*ma'rifah al-nafs*) (Al-Ghazālī, 2010). Klien hendaklah diberi kesedaran mengenai potensi serta kekuatan dalaman mereka, di samping mengenal pasti secara jelas kelemahan yang wujud dalam diri sendiri (Zuraimy et al., 2023). Individu juga perlu menetapkan objektif hidup dengan jelas, memahami secara teliti punca-punca masalah yang dihadapi, serta menentukan tindakan praktikal ke arah perubahan positif dalam hidup (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Langkah awal ini dianggap sebagai asas penting dalam membina keyakinan diri serta memberi gambaran yang jelas tentang realiti kehidupan semasa serta masa depan klien. Keberhasilan proses ini bergantung kepada kesesuaian strategi mengikut tahap dan keperluan klien, yang memerlukan dedikasi, disiplin tinggi serta komitmen yang konsisten untuk mencapai matlamat yang diinginkan (Md Noor, 2018).

Mengenal diri (*Ma'rifah al-Nafs*) merupakan suatu proses introspeksi yang bertujuan untuk menyelami hakikat diri manusia dalam hubungannya dengan Pencipta. Walaupun al-Ghazālī (1988), tidak membahaskannya secara terstruktur namun keseluruhan idea tersebut membentuk empat tema utama di bawah proses





mengenal diri. Elemen yang sama turut diketengahkan oleh Yatimah (2005), Md Noor (2012), dan Salasiah (2018). Ia merangkumi mengenal keistimewaan diri, mengenal matlamat hidup, mengenal pasti masalah diri, serta mengenal pasti tindakan perubahan yang perlu dilakukan untuk mencapai kebahagiaan hakiki (Al-Ghazālī, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Aspek pertama iaitu mengenal keistimewaan diri merujuk kepada kesedaran manusia terhadap potensi tertinggi yang wujud dalam dirinya, terutamanya akal yang merupakan alat utama untuk mengenali Tuhan (Al-Ghazālī, 1988). Al-Ghazālī turut menegaskan bahawa jiwa manusia mempunyai sifat rasional yang mampu menguasai segala fakulti lain serta menjadi perantara kepada *makrifatullah* (Al-Ghazālī, 2010).

Aspek kedua, mengenal matlamat hidup yang menuntut seseorang memahami secara mendalam asal usul dirinya, tujuan penciptaannya, dan destinasi akhirnya setelah kehidupan dunia ini (Al-Ghazālī, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Menyedari hakikat ini membawa kepada kesedaran tentang matlamat utama manusia, iaitu mencapai kebahagiaan sejati yang diperoleh melalui penyucian jiwa dan pembersihan hati daripada sifat-sifat tercela (Rohaizan et al., 2014). Hakikat ini seiring dengan firman Allah yang menyatakan bahawa tanda-tanda kebesarannya akan diperlihatkan dalam diri manusia sendiri.

Seterusnya, aspek ketiga berkaitan dengan mengenal pasti masalah diri, iaitu menyedari bahawa dalam diri manusia terdapat sifat-sifat haiwani dan syaitan yang bersifat aksidental (Al-Ghazālī, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Kedua-duanya, walaupun wujud, bukanlah hakikat sebenar manusia, sebaliknya sekadar dorongan sementara yang perlu ditundukkan. Menurut Al-Ghazālī (2010), manusia perlu





menyedari kewujudan unsur-unsur haiwani seperti syahwat dan amarah yang jika tidak dikawal akan memperhambakan jiwa, seterusnya menjauhkan manusia daripada kebahagiaan hakiki.

Akhirnya, aspek keempat menekankan kepentingan mengenal pasti tindakan perubahan yang perlu dilakukan untuk memperbaiki diri (Al-Ghazālī, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Ini melibatkan perjuangan jiwa (*Mujahadah al-nafs*) yang disertai disiplin serta latihan jiwa (*riyadah al-nafs*) secara berterusan untuk mencapai tahap kesempurnaan atau *Tahalli*, iaitu menghiasi jiwa dengan sifat-sifat mulia (Al-Ghazālī, 1998). Proses ini bertujuan menjadikan hati bersih bagaikan cermin yang mampu memantulkan cahaya Ilahi, lantas mencapai kebahagiaan sejati (*Al-Saadah*), iaitu makrifatullah sebagai matlamat tertinggi kewujudan manusia.



Langkah seterusnya ialah penghapusan sifat negatif (*takhalli*) dalam diri klien (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Pada tahap ini, klien bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengubah diri mereka dengan meninggalkan semua sikap negatif yang menjadi sumber kepada pelbagai konflik dan gangguan dalam diri (Md Noor, 2012). Sikap-sikap negatif tersebut turut dirujuk sebagai sifat tercela (*mazmumah*), dan proses ini memerlukan tahap disiplin diri serta perjuangan rohani (*mujahadah al-nafs*) yang tinggi (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Proses *takhalli* dikategorikan sebagai sebahagian daripada kaedah perjuangan melawan hawa nafsu, yang bertujuan membebaskan jiwa individu daripada ikatan perilaku buruk yang berpunca daripada dorongan hawa nafsu yang tidak terkawal (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014).





Setelah itu, proses diteruskan dengan membina sifat-sifat terpuji (*tahalli*) (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Pada fasa ini, individu terlibat dalam proses pembentukan dan pemeraksanaan sikap positif bagi menggantikan kekosongan jiwa selepas sifat negatif dihapuskan. Fasa ini melibatkan proses penyerapan dalaman sifat-sifat positif atau akhlak mulia (*mahmudah*) seperti sikap taubat, zuhud, takut (*khawf*), harapan (*raja'*), sabar, kesyukuran, keikhlasan, berserah diri (*tawakal*), keredhaan serta peringatan terhadap kematian (*zikhra maut*) (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Kejayaan dalam fasa ini bergantung kepada latihan jiwa secara sistematik dan konsisten (*riyadhah al-nafs*) yang dijalankan secara bertahap sehingga mampu mengubah sesuatu tindakan yang sukar pada peringkat permulaan menjadi suatu amalan yang mudah diamalkan secara berterusan (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Melalui latihan ini, kebiasaan positif terbentuk secara berperingkat sehingga mencapai perubahan diri yang stabil.



Tahap terakhir dalam model ini melibatkan proses refleksi diri (*muhasabah*) yang merupakan penilaian terhadap setiap langkah penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) yang telah dilaksanakan sebelumnya (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Refleksi ini termasuk pemerhatian secara mendalam sama ada seseorang telah memahami potensi dan kelemahan dirinya dengan tepat serta mengenal pasti sikap negatif yang perlu ditinggalkan (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Selain itu, strategi perubahan bagi membuang sifat negatif turut diteliti secara kritikal berdasarkan analisis terhadap kelebihan dan kekurangan yang ada pada diri individu tersebut. Penilaian akhir juga melihat sejauh mana usaha seseorang dalam membina dan memperkukuhkan sifat-sifat terpuji dalam diri. Oleh itu, penilaian sendiri ini





merupakan proses semakin menyeluruh terhadap manfaat dan kelemahan yang timbul daripada keseluruhan usaha yang telah dilaksanakan.

Matlamat akhir dari proses *tazkiyah al-nafs* menurut Al-Ghazālī adalah mencapai kebahagiaan (*al-saadah*) hakiki yang merangkumi aspek kehidupan di dunia dan akhirat (Al-Ghazālī, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Kebahagiaan ini merujuk kepada keadaan jiwa yang telah disucikan sepenuhnya daripada segala penyakit rohani serta dipenuhi dengan *makrifatullah*. Jiwa yang mencapai tahap ini dikenali sebagai *nafs al-mutma'innah*, iaitu jiwa yang tenang dan bersedia untuk kembali kepada Allah dalam keadaan penuh ketenteraman serta menikmati kebahagiaan hakiki yang jauh lebih tinggi daripada segala bentuk kenikmatan sementara di dunia (Al-Ghazālī, 1998, 2010). Berbeza dengan nikmat duniawi seperti kekayaan dan kedudukan yang bersifat sementara, kebahagiaan sejati ini bersifat kekal dan mempunyai makna yang lebih mendalam (Al-Ghazālī, 1998). Oleh itu, kebahagiaan menurut perspektif Al-Ghazālī bukan sekadar kegembiraan biasa, tetapi lebih kepada hubungan spiritual yang erat dan mendalam dengan Allah.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian


Bahagian ini memberi penjelasan tentang kerangka konseptual kajian yang digambarkan dalam satu bentuk model serta perkaitannya dengan pemboleh ubah yang terlibat. Pengkaji menjadikannya sebagai alat untuk menerangkan, meramal dan menjadi panduan terhadap kajian ini. Ia mengandungi perkara utama tentang apa yang dikaji dan kepada siapa kajian ini (Merriam & Grenier, 2019).



Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah membangunkan satu kerangka konseptual yang diubah suai berdasarkan Model Kaunseling Al-Ghazālī, yang berfungsi sebagai asas teori bagi menelusuri proses pemerolehan dan aplikasi pengetahuan kaunseling Islam dalam kalangan GBK. Rajah 1.2 memaparkan struktur kerangka ini secara menyeluruh, termasuk komponen utama yang dikaji seperti sumber pengetahuan, faktor pendorong, amalan profesional, dan cabaran yang dihadapi, serta hubung kaitnya dengan latar pendidikan dan pengalaman GBK.

Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian





Kerangka konseptual kajian ini direka bentuk bagi menunjukkan bagaimana elemen-elemen utama yang membentuk amalan kaunseling pendekatan Islam di sekolah saling berkait dan berinteraksi secara aktif. Hubungan ini bersifat dinamis, iaitu saling mempengaruhi, sentiasa berubah mengikut keperluan semasa, dan bergerak secara bersepadu. Elemen-elemen utama dalam kerangka ini merangkumi pengetahuan kaunseling pendekatan Islam, faktor pendorong untuk beramal, cabaran yang dihadapi, dan pelaksanaan amalan kaunseling itu sendiri, dengan pemikiran Al-Ghazālī dijadikan asas teorinya. Kesemua elemen ini dihubungkan melalui anak panah yang menunjukkan arah aliran serta sifat hubungan antara satu sama lain.

Pengetahuan kaunseling pendekatan Islam menjadi asas utama dalam kerangka ini. Pengetahuan ini merangkumi kefahaman mendalam tentang prinsip syariah (seperti fiqh ibadah dan muamalat), akidah, akhlak, serta integrasi ilmu psikologi Islam (Khairunnas, 2015). Menurut Yatimah (2005), pengetahuan ini bukan sekadar pemahaman teks agama, tetapi kemampuan menerapkan nilai-nilai Islam secara praktikal, seperti menggunakan konsep *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) dalam sesi kaunseling. Tanpa penguasaan pengetahuan ini, kaunselor mungkin terbatas kepada pendekatan sekular yang tidak menyentuh dimensi kerohanian klien. Anak panah sehalu dari pengetahuan ke kaunseling pendekatan Islam menunjukkan bahawa kompetensi teoritis ini menjadi prasyarat untuk merancang intervensi berteraskan Islam, seperti penggunaan teknik muhasabah (refleksi diri) atau integrasi zikir dalam proses terapi (Salasiah et al., 2015).

Pendorong beramal dengan kaunseling pendekatan Islam berperanan sebagai penggerak utama dalam pelaksanaan amalan ini. Faktor-faktor seperti tanggungjawab sebagai pendidik Muslim (Md Noor et al., 2019), kepercayaan kepada ganjaran





akhirat (Ruslan et al., 2020), dan permintaan masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling spiritual (Suhaya et al., 2017) mendorong kaunselor untuk mengintegrasikan nilai Islam dalam sesi. Anak panah sehala dari pendorong ke kaunseling pendekatan Islam menjelaskan bahawa motivasi ini mempengaruhi pemilihan model intervensi, seperti penggunaan *Islamic Cognitive Behavioral Therapy* (iCBT) atau modul *tazkiyah al-nafs* (Md Noor et al. 2016). Sebagai contoh, kajian Noraniza et al. (2019), mendapati bahawa 72% kaunselor merasa lebih berkesan apabila menggunakan pendekatan Islam berbanding kaunseling sekular, menunjukkan kuatnya pengaruh motivasi intrinsik ini.

Cabaran dalam amalan kaunseling pendekatan Islam merangkumi halangan struktur dan budaya yang dihadapi kaunselor. Antaranya ialah kekurangan modul standard (Md Noor et al., 2016), dilema antara sikap neutral profesional dengan keinginan menasihati menurut Islam (Yusmini, 2014), serta sensitiviti budaya dalam masyarakat majmuk (Norazlina & Amir, 2022). Anak panah dua hala antara cabaran dan kaunseling pendekatan Islam menunjukkan hubungan timbal balik. Sebagai contoh, ketiadaan garis panduan nasional menyukarkan konsistensi intervensi, tetapi ia juga mencetuskan inovasi seperti pembangunan Modul Modul I-Sc (*Islamic Spiritual Counseling*) yang menggabungkan psikologi moden dengan prinsip Islam (Md Noor et al., 2016). Di sisi lain, pelaksanaan pendekatan Islam yang kaku boleh menimbulkan ketegangan dalam konteks multikultural, menunjukkan betapa cabaran dan amalan saling mempengaruhi.

Kaunseling pendekatan Islam berasaskan teori Al-Ghazālī menekankan proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) melalui lima fasa utama. Pertama, mengenal diri (*ma'rifah al-nafs*) melibatkan introspeksi untuk memahami potensi, kelemahan, dan





tujuan hidup sebagai hamba Allah (Al-Ghazālī, 2010). Kedua, pembersihan hati (*takhalli*) bertujuan menghapus sifat tercela seperti tamak dan ego melalui disiplin diri dan perjuangan jiwa (*mujahadah al-nafs*) (Al-Ghazālī, 1998). Ketiga, pengisian sifat terpuji (*tahalli*) menggantikan kekosongan jiwa dengan akhlak mulia seperti sabar, syukur, dan tawakal melalui latihan konsisten (*riyadah al-nafs*) (Al-Ghazālī, 2010). Keempat, penilaian sendiri (*muhasabah*) menilai keberkesanan proses perubahan dan merancang penambahbaikan (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Akhirnya, kebahagiaan sejati (*al-saadah*) dicapai apabila jiwa mencapai ketenangan (*nafs al-mutma'innah*) melalui penyatuan dengan nilai Ilahi, merangkumi kesejahteraan dunia dan akhirat (Al-Ghazālī, 1998). Pendekatan ini menggabungkan psikologi praktikal dengan kerangka agama, menjadikannya relevan dalam konteks pendidikan Malaysia (Md Noor, 2012; Salasiah et al., 2020).



Interaksi keseluruhan antara elemen-elemen ini membentuk dinamik unik dalam kerangka konseptual. Pengetahuan dan pendorong mengalir secara sehalu ke kaunseling pendekatan Islam, membentuk asas dan motivasi untuk pelaksanaannya. Sementara itu, cabaran berinteraksi secara dua hala dengan amalan, mencerminkan bagaimana halangan boleh mencetuskan inovasi, tetapi juga membataskan skop intervensi jika tidak diatasi. Pendekatan Al-Ghazālī, sebagai teras kerangka, tidak hanya menjadi aplikasi langsung pengetahuan dan pendorong, tetapi juga medium adaptif untuk menangani cabaran melalui integrasi nilai Islam yang fleksibel.

Kerangka ini menegaskan keperluan pendekatan holistik dan sistemik untuk memperkukuh amalan kaunseling pendekatan Islam. Pembangunan modul berasaskan kajian tempatan, latihan kompetensi agama yang menyeluruh, dan pengiktirafan dasar terhadap kaunseling pendekatan Islam merupakan langkah kritikal. Dengan





memahami interaksi antara pengetahuan, pendorong, cabaran, dan amalan, kajian ini menyumbang kepada model kaunseling yang responsif terhadap konteks sosio-agama Malaysia, serta mampu menjawab keperluan semasa melalui pendekatan berasaskan bukti dan nilai Islam yang autentik.

1.9 Batasan Kajian

Batasan dalam ini merujuk kepada batasan atau kekurangan kajian yang mendatangkan implikasi signifikan terhadap dapatan kajian (Merriam & Grenier, 2019). Pelbagai aspek boleh dibatasi seperti skop kajian, alat ukur, masa dan jumlah peserta kajian terlibat (Ahmad Firdaus, 2016). Pada bahagian batasan kajian ini, pengkaji menjelaskan lima aspek iaitu kaunseling pendekatan Islam, sampel, lokasi kajian, reka bentuk kajian dan fokus kajian.

1.9.1 Kaunseling Pendekatan Islam

Kajian ini hanya menumpukan kepada perspektif dan pengalaman sebenar kaunselor sahaja, tanpa melibatkan pandangan daripada pakar-pakar dalam bidang kaunseling pendekatan Islam. Hal ini bermakna, dapatan kajian berasaskan realiti sebenar amalan kaunseling pendekatan Islam yang dilaksanakan oleh para kaunselor berdasarkan pengetahuan, sumber pengetahuan, pendorong, amalan dan cabaran yang mereka hadapi. Batasan ini membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman yang autentik tentang pengetahuan, amalan dan cabaran yang dihadapi oleh kaunselor dalam





melaksanakan pendekatan kaunseling pendekatan Islam dalam konteks sekolah. Dapatan ini juga memberikan gambaran sebenar proses yang sedang berjalan di sekolah.

Selain itu, kajian ini juga terbatas kepada konteks sekolah sahaja dan tidak mengambil kira amalan kaunseling pendekatan Islam dalam *setting* yang lain seperti di institusi pengajian tinggi, organisasi atau klinik swasta. Oleh itu, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi GBK secara keseluruhan. Kajian ini juga hanya melibatkan peringkat pembinaan hubungan, penerokaan masalah, perancangan intervensi, pelaksanaan strategi dan penilaian hasil kaunseling. Walau bagaimanapun, batasan-batasan ini tidak menghadkan kefahaman menyeluruh tentang amalan kaunseling pendekatan Islam, bahkan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang realiti sebenar pelaksanaan kaunseling pendekatan Islam dalam konteks tersebut.

1.9.2 Persampelan

Dalam konteks pemilihan peserta kajian ini, beberapa batasan penting telah ditetapkan oleh pengkaji bagi memastikan data yang diperoleh adalah relevan, tepat serta memenuhi objektif kajian secara keseluruhan. Pertama sekali, peserta kajian terdiri daripada GBK yang sedang beramal di mana-mana sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tujuan utama pemilihan batasan ini adalah untuk memastikan keseragaman latar belakang peserta kajian serta memudahkan penelitian tentang amalan kaunseling pendekatan Islam secara khusus dalam persekitaran sekolah kerajaan di Malaysia.





Selain itu, syarat kedua yang ditetapkan ialah peserta kajian perlu merupakan kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Keperluan ini penting untuk menjamin kualiti perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh peserta kajian adalah selari dengan standard etika serta piawaian profesional yang ditetapkan oleh LKM. Seterusnya, batasan ketiga yang dinyatakan ialah peserta kajian diwajibkan seorang GBK yang secara khusus beramal dengan kaunseling pendekatan Islam. Syarat ini dipilih untuk memastikan kesesuaian peserta dengan fokus kajian iaitu meneroka secara mendalam cabaran dan pendekatan khusus kaunseling pendekatan Islam dalam konteks persekolahan.

Bagi batasan keempat pula, peserta kajian bukan sahaja perlu seorang GBK yang beramal dengan kaunseling pendekatan Islam, tetapi mereka juga mesti mengamalkan kaunseling pendekatan Islam secara kerap dalam sesi kaunseling mereka. Maksud penggunaan kaunseling pendekatan Islam secara kerap dalam konteks ini ialah peserta kajian konsisten menggunakan pendekatan kaunseling pendekatan Islam dalam amalan harian mereka, bukan sekadar sekali-sekala atau secara tidak teratur.

Seterusnya, batasan kelima yang ditetapkan adalah peserta kajian mestilah mempunyai pengalaman beramal sebagai kaunselor di sekolah selama lebih daripada lima tahun. Pemilihan berdasarkan syarat ini bertujuan memastikan peserta kajian memiliki pengalaman serta kematangan yang mencukupi dalam memberikan input yang berkualiti, mendalam, serta tepat mengenai amalan serta cabaran dalam kaunseling pendekatan Islam. Batasan lima tahun ini selari dengan kajian model Benner et al. (1992). Beliau menyatakan bahawa 5 tahun pengalaman khusus dalam





sesuatu bidang kritikal diperlukan untuk mencapai tahap "pakar". Selain daripada aspek pengalaman, batasan keenam yang turut diberikan perhatian ialah peserta kajian juga perlu bersedia berkongsi amalan kaunseling pendekatan Islam yang mereka praktikkan secara terbuka dengan pihak pengkaji.

Justeru, pengkaji menetapkan batasan-batasan tersebut bagi memastikan satu set peserta kajian yang terfokus. Batasan-batasan yang diletakkan adalah :

- i. Beramal di mana-mana sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.
- iii. GBK yang beramal dengan kaunseling pendekatan Islam.
- iv. Seorang GBK yang mengamalkan kaunseling pendekatan Islam secara kerap.
- v. Telah beramal melebihi lima tahun.
- vi. Bersedia berkongsi amalan kaunseling pendekatan Islam dengan orang lain.
- vii. Menandatangani persetujuan termaklum untuk menjadi peserta kajian dalam kajian ini.

1.9.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian melibatkan beberapa Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipilih dari seluruh negara meliputi pelbagai jenis sekolah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan. Lokasi dipilih berdasarkan kesediaan Peserta kajian untuk menjadi peserta temu bual. Batasan yang diletakkan ini



mengeluarkan sekolah-sekolah persendirian, sekolah swasta, sekolah pondok, sekolah Jabatan Agama Negeri, Maktab Rendah Sains Mara, Kolej Tingkatan Enam, Kolej Vokasional dan seumpamanya daripada menjadi lokasi kajian.

1.9.4 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini pengkaji mengguna pakai falsafah konstruktif dengan memilih pendekatan induktif dan menggunakan metode kajian kualitatif secara tunggal. Daripada sudut strategi kajian, pengkaji membataskan kepada kajian kes pelbagai kes (*multiple case*) atau kajian pelbagai tempat lapangan (*multiside studies*) mengikut model Yin, (2013). Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan juga, pengkaji memilih metode pengumpulan data melalui temu bual. Ini selari dengan kebenaran yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan surat kelulusan bersyarat bagi tujuan menjalankan kajian di sekolah (KPM.600-3/2/3-eras(4204)). Bagi tujuan analisis data, pengkaji menggunakan model analisis data Creswell, (2014).

1.9.5 Fokus Kajian

Fokus kajian ini ialah amalan kaunseling pendekatan Islam yang meliputi teori, model, modul, teknik, strategi terapeutik, matlamat sesi dan penilaian. Pengkaji turut meneroka aspek cabaran seorang GBK dalam beramal dengan kaunseling pendekatan



Islam. Kesemua kriteria tersebut membabitkan perkara yang boleh diperoleh melalui sesi temu bual bersama-sama peserta kajian yang dipilih.

1.10 Definisi Pemboleh Ubah

Topik ini membina definisi konseptual dan operasional bagi setiap pemboleh ubah utama yang membentuk rangka kajian ini. Justifikasi kepada penggunaan istilah serta penstrukturan semula definisi turut dijelaskan, selaras dengan objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan.

1.10.1 Definisi Kaunseling Pendekatan Islam

Kefahaman berkaitan kaunseling pendekatan Islam telah melalui proses perkembangan secara berperingkat. Para pengkaji terdahulu walaupun tidak mendefinisikan kaunseling pendekatan Islam secara eksplisit, mereka secara konsisten memperincikan ciri-ciri asasnya melalui perbahasan konsep, falsafah dan amalan. Secara umum, definisi kaunseling pendekatan Islam dibentuk berdasarkan gabungan nilai-nilai wahyu dan pendekatan psikologi yang berteraskan fitrah insan. Perkembangan pemikiran ini dapat dilihat melalui susunan kronologi sumbangan tokoh-tokoh utama yang mencerminkan kesinambungan pemahaman terhadap konsep tersebut.





Antara pelopor awal ialah Hasan Langgulung (1990), yang menegaskan bahawa kaunseling pendekatan Islam perlu berlandaskan kepada konsep insan dalam Islam. Menurut beliau, pendekatan Barat yang bersifat sekular tidak mampu memenuhi keperluan spiritual manusia yang lebih mendalam. Oleh itu, kaunseling pendekatan Islam harus menekankan aspek kesedaran rohani sebagai teras kepada kesejahteraan psikologi. Selanjutnya, Wan Hussain Azmi (1994), memperluas idea ini dengan menyatakan bahawa kaunseling pendekatan Islam ialah satu proses bimbingan yang berpandukan al-Quran dan sunnah, yang bertujuan membimbing individu membuat keputusan yang selaras dengan prinsip agama. Beliau turut menekankan bahawa tujuan utama kaunseling adalah pembentukan akhlak dan sahsiah seimbang dalam konteks duniawi dan ukhrawi. Dalam aliran yang hampir sama, Aziz Saleh (1993), mendefinisikan kaunseling pendekatan Islam sebagai satu proses bantuan membuat keputusan berasaskan wahyu, dengan penekanan terhadap kesesuaian kehendak diri dengan nilai agama melalui proses yang rohani, tersusun dan profesional. Ketiga-tiga tokoh ini memberi penekanan bahawa kaunseling pendekatan Islam tidak boleh dipisahkan daripada prinsip agama dan bertujuan membina manusia berakhlak, berpandukan syariat.

Dalam perkembangan yang lebih kritikal dan mendalam, Malik Badri (1996), tokoh terkemuka dalam bidang psikologi Islam, menyumbang definisi yang berteraskan kepada prinsip *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa). Beliau menegaskan bahawa kaunseling pendekatan Islam bukan semata-mata penyesuaian kaunseling Barat yang diberi wajah Islamik, tetapi sebuah sistem tersendiri yang berpaksikan tauhid dan bertujuan menghubungkan semula individu dengan Allah SWT. Bagi Badri, proses kaunseling ialah satu bentuk pemulihan spiritual yang membantu





individu melepasi tekanan emosi dan konflik jiwa melalui pendekatan yang menekankan akidah, moral dan kesedaran rohani. Pendekatan ini mengkritik aliran Barat yang terlalu menekankan kepada autonomi moral tanpa nilai wahyu. Menyambung gagasan tersebut, Mohamed Sharif (1998), melihat kaunseling pendekatan Islam sebagai suatu proses pendidikan dan pembelajaran yang membantu klien membentuk keputusan hidup berpandukan syariat. Ini memperlihatkan dimensi didaktik dalam hubungan kaunseling yang bukan sekadar responsif terhadap masalah, tetapi juga proaktif dalam mendidik dan membimbing jiwa.

Pandangan tersebut turut dikukuhkan oleh Abdul Halim (1999), yang mendefinisikan kaunseling pendekatan Islam sebagai satu proses ibadah yang mencerminkan hubungan antara manusia dengan Tuhan dan manusia sesama manusia.

Beliau menekankan bahawa kaunseling tidak hanya berfungsi menyelesaikan masalah, sebaliknya merupakan satu sistem pembangunan sendiri yang menyeluruh dan bersifat Rabbani. Ishamuddin (2000), pula memperkenalkan dimensi reflektif dan tauhidik dalam definisi kaunseling pendekatan Islam dengan menyatakan bahawa kebahagiaan sejati hanya akan dicapai apabila klien tunduk dan patuh kepada kehendak Ilahi. Dalam erti kata lain, proses kaunseling harus menyedarkan klien tentang nilai hakiki kehidupan yang berlandaskan tauhid sebagai pusat orientasi.

Ab Aziz & Yusmini (2001), pula menjelaskan bahawa kaunseling pendekatan Islam menitikberatkan keseimbangan antara kesihatan mental, sosial dan rohani. Mereka menggariskan bahawa kaunseling dalam Islam adalah satu bentuk ibadah yang bukan sahaja bertujuan membantu klien secara individu, tetapi juga merupakan tanggungjawab bersama dalam membentuk masyarakat yang sejahtera berlandaskan





keredaan Allah. Pada masa yang sama, Amir Awang (2016), turut menyentuh bahawa kaunseling pendekatan Islam tidak dibina di atas satu teori tunggal yang tetap, sebaliknya ia bersandarkan kepada sumber utama Islam iaitu al-Quran, sunnah, *ijmā'*, dan *qiyās*. Proses kaunseling ini menurut beliau, mengandungi unsur *tazkiyah* serta menekankan matlamat pembinaan spiritual dan akhlak, sekaligus membezakan ia daripada objektif semata-mata kaunseling konvensional.

Worthington et al. (2011), dari sudut pandang perbandingan agama, menyatakan bahawa kaunseling berteraskan agama, termasuk kaunseling pendekatan Islam, memiliki banyak persamaan dalam teknik dengan kaunseling sekular tetapi berbeza dari sudut matlamat. Kaunseling agama mempunyai misi rohani tambahan seperti pengukuhan nilai spiritual, amalan ibadah dan penghayatan agama yang mendalam dalam proses pemulihan psikologi. Zainudin (2017), kemudiannya mencadangkan pembentukan pendekatan kaunseling pendekatan Islam yang lebih asli dan kontekstual, bukan sahaja sebagai alternatif kepada teori Barat, tetapi sebagai penyelesaian nilai terhadap konflik moral dan sosial masyarakat Islam. Beliau menggariskan integrasi dakwah dan bimbingan akhlak sebagai nadi dalam sesi kaunseling berteraskan Islam.

Menelusuri arus kontemporari, Noraniza et al. (2019), menegaskan bahawa kaunseling pendekatan Islam tidak hanya berfungsi menyelesaikan masalah psikologi, tetapi turut menggalakkan klien mengukuhkan hubungan rohani dengan Allah melalui amalan-amalan seperti zikir, doa, tawakal dan bacaan al-Quran sebagai mekanisme penyembuhan batin. Dalam nada yang hampir sama, Md Noor (2018), menyatakan bahawa kaunseling pendekatan Islam ialah satu pendekatan intervensi yang





menyeluruh dan bersepadu, berpaksikan prinsip syariah serta sumber wahyu, yang menyantuni dimensi jasmani dan rohani individu untuk membimbing mereka ke arah kesejahteraan hidup yang fitrah.

Dalam kajian Norazlina dan Amir (2022), pendekatan yang diambil turut tidak menekankan definisi eksplisit, namun secara kontekstual mereka menggambarkan kaunseling pendekatan Islam sebagai satu bentuk bimbingan psikospiritual yang berasaskan al-Quran dan sunnah, dengan matlamat mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat melalui pendekatan syumul yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Pandangan ini disokong oleh Nor Ezdanie dan Mohd Tajudin (2019), yang dalam pembangunan Teori Kaunseling Psiko-Spiritual Al-Ghazālī, mendefinisikan kaunseling pendekatan Islam sebagai satu intervensi psikospiritual yang menggabungkan unsur spiritual, agama dan psikologi. Ia berpaksikan falsafah kejadian manusia dan bertujuan membawa individu ke arah pencapaian insan kamil melalui pemurnian unsur *qalb*, *ruh*, *nafs* dan *'aql* secara terpadu.

Pengkaji menyimpulkan walaupun tidak ramai pengkaji terdahulu dan semasa menyatakan definisi kaunseling pendekatan Islam secara eksplisit, mereka secara konsisten telah membina satu rangka pemahaman yang mendalam terhadap maksud dan matlamat sebenar kaunseling pendekatan Islam. Definisi yang dibina secara kontekstual ini merangkumi pendekatan yang syumul, berpaksikan tauhid dan wahyu, dan menyantuni keperluan psikospiritual manusia Muslim dalam mencapai kesejahteraan diri, keredaan Ilahi dan kebahagiaan dunia serta akhirat.





Justeru, amalan kaunseling pendekatan Islam secara konseptual merujuk kepada satu proses bantuan psikospiritual yang menggabungkan prinsip-prinsip agama Islam dalam membentuk keseimbangan mental, emosi, dan rohani individu. Ia tidak terhad kepada aspek psikologi semata-mata, tetapi turut berteraskan dimensi ketuhanan, dengan matlamat utama membina hubungan yang harmoni antara manusia dan Penciptanya (Noraniza et al., 2019).

Secara sintesis, definisi-definisi ini memperlihatkan bahawa kaunseling pendekatan Islam bukan sekadar suatu aktiviti bantuan psikologi yang disuntik dengan elemen agama, sebaliknya merupakan satu sistem yang berakar pada pandangan alam Islam (*worldview*), berpaksikan akidah tauhid, bersifat ibadah, serta menekankan keseimbangan antara aspek akal, emosi, spiritual dan sosial. Kaunseling pendekatan Islam bertujuan bukan sahaja untuk penyelesaian masalah, tetapi juga penyucian jiwa dan penyempurnaan insan menurut kerangka Rabbani.

Dalam konteks kajian ini, secara operasionalnya amalan kaunseling pendekatan Islam didefinisikan sebagai pendekatan yang diamalkan oleh GBK, menggunakan teknik dan kemahiran kaunseling berpandukan nilai Islam seperti al-Quran, sunnah, ijmak, dan qiyas, sama ada sepenuhnya melalui teori Islam seperti teori kaunseling Al-Ghazālī, secara integrasi seperti *Islamic Cognitive Behavioral Therapy*, ataupun melalui modifikasi teknik konvensional dengan memasukkan elemen Islam seperti doa dan perbincangan nilai agama semasa sesi kaunseling.

Dalam kajian ini lima konstruk berkaitan kaunseling pendekatan Islam yang diteroka iaitu pengetahuan, sumber pengetahuan, pendorong, amalan dan cabaran.





Berdasarkan definisi konsep dan definisi operasional kaunseling pendekatan Islam yang telah dibincangkan, pengetahuan berkaitan kaunseling pendekatan Islam secara operasionalnya merujuk kepada kefahaman mendalam tentang asas, falsafah dan aplikasi kaunseling Islam yang diperoleh secara formal (pengajian akademik) dan tidak formal (pengalaman, pembacaan, kursus, usrah dan pembelajaran sendiri). Pengetahuan ini merangkumi struktur teori Islam tentang manusia, mekanisme perubahan jiwa, konsep tazkiyah, serta asas kerangka amalan kaunseling Islam yang membina kecekapan profesional dan keabsahan nilai dalam sesi kaunseling.

Sumber pengetahuan kaunseling pendekatan Islam dalam kajian ini merujuk kepada saluran atau medium yang digunakan oleh kaunselor untuk memperoleh ilmu tentang kaunseling Islam. Ini termasuk sumber rasmi (kursus, bengkel, latihan IPT, modul kerajaan), sumber tidak rasmi (bahan bacaan, media sosial, rakaman ceramah), serta sumber *turāth* (kitab-kitab klasik seperti *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, *al-Risālah al-Qushayriyyah*, serta karya-karya psikospiritual para ulama silam). Pengetahuan ini diperoleh melalui interaksi formal atau tidak formal dengan ilmu, dan membentuk asas kepada amalan yang dijalankan oleh kaunselor.

Faktor pendorong pula merujuk kepada segala unsur dalaman dan luaran yang menggerakkan kaunselor untuk mengamalkan kaunseling pendekatan Islam. Ini termasuk motivasi keagamaan (keinginan membantu klien mendekati Allah), motivasi profesional (keyakinan terhadap keberkesanan pendekatan Islam), keperluan komuniti (konteks pelajar Muslim), serta tanggungjawab dakwah dan pendidikan. Faktor ini membentuk orientasi nilai yang kukuh dan keazaman tinggi untuk terus menggunakan pendekatan Islam meskipun berdepan kekangan.





Amalan merujuk kepada tindakan profesional kaunselor dalam menjalankan sesi kaunseling menggunakan pendekatan Islam. Ini termasuk teknik permulaan (pembinaan hubungan spiritual), pengenalpastian masalah (melalui analisis nilai dan tahap ibadah), intervensi (menggunakan zikir, tazkiyah, tadabbur, teknik spiritual) serta penilaian (melihat perubahan tingkah laku, penghayatan ibadah dan akhlak). Ia menunjukkan aplikasi praktikal ilmu dalam persekitaran sekolah secara sistematik dan bersandarkan prinsip Islam.

Cabaran merujuk kepada segala bentuk halangan yang mengganggu keberkesanan pelaksanaan kaunseling pendekatan Islam. Ini termasuk cabaran dalaman (kurangnya ilmu, kemahiran, dan ketidakmampuan menyepadukan nilai Islam secara sistematik) serta cabaran luaran (kekangan dasar, penolakan istilah kaunseling Islam, ketiadaan modul rasmi, penerimaan klien bukan Islam, kekangan masa dan sokongan institusi). Cabaran ini memberi kesan terhadap keyakinan, legitimasi dan keberkesanan intervensi.

1.10.2 Guru Bimbingan dan Kaunseling

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kaunselor sekolah dikenali sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK). GBK merupakan individu yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah (Norazlina, 2017; Mohamad Isa et al., 2017). GBK dibenarkan menjalankan amalan kaunseling dalam persekitaran sekolah tanpa keperluan pendaftaran dengan Lembaga





Kaunselor Malaysia (LKM), yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab kaunseling secara langsung dalam konteks pendidikan (Mohamad Isa et al., 2017).

Menurut Natesan (2017), GBK adalah guru kaunseling sepenuh masa yang tidak dibebankan dengan tugas pengajaran biasa di sekolah menengah Malaysia. Fungsi utama mereka termasuk merancang, melaksanakan, dan menilai program bimbingan dan kaunseling yang bertujuan membantu pelajar dalam aspek emosi, tingkah laku, akademik, sosial, dan pembangunan kerjaya. GBK juga bertanggungjawab dalam menjalankan intervensi kaunseling bagi menyokong kesejahteraan psikologi pelajar, serta bekerjasama secara aktif dengan guru, ibu bapa, dan pihak-pihak lain dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Matlamat utama mereka adalah mempromosikan kesihatan mental, daya tahan, dan kejayaan masa depan pelajar secara menyeluruh (Natesan, 2017).

Seiring dengan pandangan ini, Abdul Malek et al. (2013), menegaskan bahawa GBK adalah profesional terlatih yang memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan akademik, kerjaya, serta aspek peribadi dan sosial pelajar. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan kaunseling yang terintegrasi dalam sistem pendidikan formal di sekolah.

Dalam konteks yang lebih spesifik berkaitan pendekatan Islam, Halimah dan Zainab (2015), menambah bahawa GBK Muslim di sekolah tidak sahaja menangani isu disiplin atau emosi pelajar, tetapi turut memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai Islam. Ini menunjukkan peranan GBK Muslim lebih





komprehensif dengan menekankan aspek pembangunan sahsiah pelajar secara bersepadu dengan ajaran agama Islam.

Dalam konteks kajian ini, GBK ditakrifkan sebagai kaunselor sepenuh masa yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling di sekolah. GBK berperanan sebagai pendidik, pembimbing dan kaunselor psikospiritual yang menyediakan intervensi kepada pelajar dalam aspek pembangunan sahsiah, psikoemosi, dan kesejahteraan rohani. Secara operasional, GBK dalam kajian ini merujuk kepada kaunselor Muslim berdaftar dengan LKM yang secara konsisten mengamalkan pendekatan kaunseling Islam dalam sesi kaunseling di sekolah menengah kerajaan atau bantuan kerajaan, menggunakan teori, model dan teknik yang berteraskan nilai Islam.



Secara sintesisnya, kedua-dua pemboleh ubah ini saling berkaitan melalui peranan GBK yang mengaplikasikan kaedah kaunseling berteraskan Islam dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka. GBK dalam kajian ini secara operasional merujuk kepada GBK yang berdaftar dengan LKM dan secara konsisten mengamalkan pendekatan kaunseling pendekatan Islam. Pendekatan ini melibatkan penggunaan teori, model atau teknik berpandukan nilai Islam seperti al-Quran, sunnah, *ijmā'*, dan *qiyās*, sama ada sepenuhnya melalui teori Islam seperti teori kaunseling Al-Ghazālī, secara integrasi seperti *Islamic Cognitive Behavioral Therapy* (ICBT), atau secara modifikasi teknik konvensional dengan memasukkan elemen Islam seperti doa atau perbincangan agama semasa sesi kaunseling. Oleh itu, perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah ini mencerminkan keperluan integrasi





yang kukuh antara pendekatan Islam dan peranan profesional GBK dalam konteks pendidikan formal di sekolah-sekolah menengah kerajaan atau bantuan kerajaan.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian amalan kaunseling berpendekatan Islam dalam kalangan GBK adalah penting memandangkan agama merupakan asas kehidupan masyarakat Melayu, seperti diperuntukkan dalam perlembagaan. Berlandaskan agama, individu membuat keputusan hidup. Justeru, memahami amalan semasa ini memberi impak signifikan terhadap bidang kaunseling.



Kepentingan kajian ini buat GBK meliputi pelbagai aspek. Dari sudut akademik, kajian ini berupaya mengukuhkan lagi dapatan kajian-kajian terdahulu berkaitan amalan kaunseling pendekatan Islam di sekolah dan memberi perspektif tambahan tentang amalan terbaik yang boleh diamalkan oleh GBK. Ia juga memperkayakan ilmu dan teori berkaitan kaunseling pendekatan Islam, sekali gus menyumbang kepada pembinaan model atau modul kaunseling pendekatan Islam yang lebih komprehensif. Melalui dapatan kajian ini, konsep penyepaduan antara ilmu kaunseling dan ilmu-ilmu Islam dapat diperkukuhkan, selaras dengan gagasan Islamisasi ilmu.

Dari sudut perkembangan amalan bimbingan dan kaunseling pula, kajian ini memberi input berguna kepada para pengamal kaunseling khususnya di sekolah tentang kaedah mengintegrasikan nilai dan pendekatan Islam dalam sesi kaunseling.





Pengalaman dan amalan terbaik oleh peserta kajian boleh dijadikan panduan dan diaplikasikan oleh kaunselor lain dalam perkhidmatan mereka. Kajian ini juga mengenal pasti isu dan cabaran dalam mengaplikasikan kaunseling pendekatan Islam, sekali gus mencadangkan kaedah penambahbaikan yang boleh diambil oleh pihak berkaitan.

Kepada masyarakat, kajian ini memberi pendedahan tentang kewujudan kaunseling pendekatan Islam yang boleh dimanfaatkan. Ia berupaya meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap potensi kaunseling pendekatan Islam sebagai alternatif kepada kaunseling konvensional. Dapatan kajian ini juga boleh digunakan untuk meningkatkan literasi kaunseling pendekatan Islam dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai program kesedaran.



Kepentingan kajian ini turut meliputi pihak kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). KPM boleh menggunakan dapatan kajian untuk merangka dasar dan polisi berkaitan praktis kaunseling pendekatan Islam di sekolah. Usaha perlu dijalankan untuk mereka bentuk kursus dan latihan berkaitan kaunseling pendekatan Islam bagi guru-guru kaunseling, serta menilai semula keperluan memperkenalkan jawatan atau skim perkhidmatan baharu seperti Pegawai Kaunseling pendekatan Islam. KPT pula boleh menggunakan maklumat kajian dalam merangka kurikulum pengajian kaunseling dengan mengintegrasikan komponen kaunseling pendekatan Islam dan menambah baik kandungan kursus sedia ada khususnya kursus Kaunseling Silang Budaya.





Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) sebagai badan pengawal selia amalan kaunseling di Malaysia juga mendapat kepentingan melalui hasil kajian ini dalam merangka kod etika dan garis panduan amalan kaunseling pendekatan Islam, membangunkan modul latihan atau bengkel aplikasi terapi dan intervensi berasaskan kaunseling pendekatan Islam, serta mengkaji semula keperluan mewujudkan akta atau peraturan khusus berkaitan amalan kaunseling pendekatan Islam.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini secara tidak langsung memberi impak positif kepada pelajar sekolah apabila mereka mendapat perkhidmatan kaunseling berlandaskan nilai-nilai Islam yang mampu membimbing ke arah perubahan yang lebih baik. Pendekatan kaunseling pendekatan Islam yang diterapkan oleh para kaunselor akan lebih mudah diterima dan difahami oleh pelajar, sekali gus meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam mereka melalui bimbingan berasaskan ajaran al-Quran dan sunnah.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini mempunyai implikasi serta kepentingan secara langsung dan tidak langsung kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dalam memartabatkan pendekatan kaunseling pendekatan Islam di sekolah. Semua pihak tersebut mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tersendiri dalam memastikan hasrat untuk menjadikan kaunseling pendekatan Islam sebagai satu pendekatan utama dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat direalisasikan. Kerjasama serta sinergi semua pihak yang dinyatakan penting dalam usaha memperkasakan bidang ini agar ia benar-benar dapat menyumbang ke arah pembangunan modal insan yang seimbang serta memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Adalah diharapkan agar





kajian ini dapat menjadi pencetus kepada lebih banyak lagi inisiatif penyelidikan serta penambahbaikan di peringkat dasar dan pelaksanaan dalam usaha memastikan kaunseling pendekatan Islam terus relevan dalam memenuhi keperluan masyarakat masa kini.

1.12 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi pemboleh ubah. Perbincangan ini memberi gambaran awal mengenai kajian yang akan memudahkan pembacaan dan memberi gambaran awal tentang keseluruhan kajian yang dijalankan.

